

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
ILMU HAKIKAT AJARAN HASSAN BIN JONIT**

1. TAJUK PERSOALAN

Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mengemukakan kertas cadangan kepada Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor berkenaan dengan Ajaran Ilmu Hakikat pimpinan Hassan bin Jonit dan meminta pihak Jawatankuasa membuat keputusan yang sewajarnya mengenai ajaran ini.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Biodata guru.

Hassan bin Jonit dilahirkan di Melaka, bekerja sebagai penjual sayur dan menetap di alamat No. 14, Jalan 6/5, Taman Tasik Tambahan, 68000 Ampang, Selangor. Beliau telah berkahwin sebanyak tiga kali, dua orang isteri telah diceraikan kerana beliau mendakwa isterinya tidak mahu mengikut ajarannya. Isteri ketiga sekarang bernama Jariah bt. Hasan dan mempunyai 4 orang anak. Pendidikan awal beliau ialah Sek. Agama, Pontian Kecil, Johor sehingga darjah 3, Sekolah Melayu Melaka sehingga darjah 3.

2.2 Lokasi dan pengikut

Ajaran ini berpusat di Batu 450, No. 20, Kampung Melayu, Jalan Kilang Papan, Kampung Batu Arang, 48050 Rawang Selangor. Markaz ini digunakan untuk sembahyang dan tempat pengajian. Dari maklumat yang diterima, pengikut beliau dianggarkan seramai 100-150 orang di seluruh Negeri Selangor. Kebanyakan pengikutnya tidak mempunyai asas pengajian agama yang kukuh.

3. CIRI-CIRI AJARAN

3.1 DARI SEGI AKIDAH.

3.1.1 Bertemu dengan Allah

Beliau mendakwa bertemu dengan Allah melalui Ilmu Hakikat. Ini dijelaskan oleh Imam Masjid Jamek Kampung Batu Arang iaitu Mohd Zainuddin.

3.1.2 Bertemu Nabi Muhammad

Beliau juga mendakwa bertemu dengan Nabi Muhammad ketika mengangkat nafas atau dengan istilah (Tanaffus). Setiap kali bertemu dengan Nabi Muhammad beliau akan mencatatkan tarikh pertemuan tersebut.

3.1.3 Boleh ta'bir mimpi

Pada kebiasaannya apabila mereka mengadakan pengajian di markaz, mana-mana pengikut yang tidak dapat pulang akan bermalam di markaz. Pada waktu pagi selepas solat subuh mereka akan maemperkatakan tentang mimpi masing-masing kepada Hassan untuk ditafsirkan.

3.1.4 Dahi hitam tanda bela jin

Kebiasaannya seseorang yang rajins embahyang dapat dilihat dengan jelas dahinya akan menjadi hitam disebabkan lama bersujud. Namun mengikut Hasan, orang yang mempunyai tanda tersebut adalah orang yang ada membela jin.

3.1.5 Solat pejam mata

Ajaran ini menjelaskan bahawa solat hendaklah menutup mata samaada solat fardhu atau sunat. Beliau mendakwa adalah menjadi kesalahan terhadap Allah s.w.t apabila menunaikan solat dengan mata terbuka. Sesiapa yang menunaikan solat dalam keadaan mata terbuka sekiranya menjadi imam nampak seperti khinzir.

3.1.6 Menolak Hari Akhirat

Beliau berpendapat bahawa kebenaran Hari Akhirat yang dijelaskan di dalam al-Quran adalah tidak benar. Oleh itu, beliau meminta semua pengikutnya menolak adanya Hari Akhirat.

3.2 DARI SUDUT ILMU FEKAH.

3.2.1 Mandi wajib dengan celup jari

Mengikut Ilmu Hakikat, tidak perlu melakukan kaifiat mandi wajib sepertimana yang dijelaskan oleh ulama Fekah. Cukup dengan mencelupkan jari kita di dalam air beserta niat.

4 **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor dalam persidangannya yang bertarikh 12 Februari 1998 telah membincangkan perkara di atas dan keputusannya adalah seperti berikut :

“ Bahawasanya Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor telah memutuskan Ilmu Hakikat Hassan bin Jonit adalah bertentangan dan menyeleweng daripada akidah Islam. Segala bentuk buku dan risalah terbitannya adalah haram dan boleh membawa kesesatan. Umat Islam yang menganuti ajaran ini hendaklah bertaubat dan kembali ke ajaran Islam yang sebenar ”.